

AXCEL ECOZALON CREAM

Econazole Nitrate / Triamcinolone Acetonide (1% w/w / 0.1% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Axcel Ecozalon Cream.
2. Bagaimana Axcel Ecozalon Cream berfungsi.
3. Sebelum menggunakan Axcel Ecozalon Cream.
4. Cara menggunakan Axcel Ecozalon Cream.
5. Semasa menggunakan Axcel Ecozalon Cream.
6. Kesan- kesan sampingan.
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Ecozalon Cream.
8. Maklumat lanjut.
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk.
10. Tarikh kemaskini RiMUP.

Apakah kegunaan Axcel Ecozalon Cream

Axcel Ecozalon Cream digunakan untuk:

- Rawatan ekzema (kemerahan, bengkak, cecair meleleh, pengupingan yang boleh menjadi sisik)
- Keradangan kulit yang disebabkan oleh kulat dan/atau jangkitan bakteria
- Jangkitan permukaan kulit yang disebabkan oleh kulat, yis dan kulapuk.
- Jangkitan kulat di dalam lipatan badan dengan kehadiran bakteria sekunder dan jangkitan campuran.
- Jangkitan kulit termasuk lembap, meleleh, akut atau subakut.
- Paronychia (jangkitan pada tisu lembut di sekeliling kuku)
- Perleche (rekahan pada bahagian hujung mulut)
- Dermatitis lampin (radang kulit pada bahagian yang ditutup oleh lampin bayi)
- Pyodermia permukaan (jangkitan bakteria pada kulit).

Bagaimana Axcel Ecozalon Cream berfungsi

Econazole tergolong kepada kumpulan ubat- ubatan yang dikenali

sebagai antikulat yang digunakan untuk merawat jangkitan yang disebabkan oleh kulat. Mereka berfungsi dengan membunuh kulat atau menghalang pertumbuhannya. Triamcinolone mengurangkan tindakan bahan kimia di dalam badan yang menyebabkan keradangan, gatal-gatal, reaksi alahan seperti kemerahan dan bengkak.

Sebelum menggunakan Axcel Ecozalon Cream

Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan Axcel Ecozalon Cream jika:

- Anda alah atau hipersensitif kepada imidazole atau kortikosteroid.
- Anda mempunyai *tuberculosis* (jangkitan bakteria yang biasanya menjejaskan paru-paru), *syphilis* (penyakit kelamin yang disebabkan oleh bakteria) atau jangkitan virus pada kulit.

Sebelum menggunakan Axcel Ecozalon Cream

Sebelum anda menggunakan Axcel Ecozalon Cream, anda perlu memaklumkan kepada doktor anda:

- Jika anda mengandung atau menyusukan bayi.

Jika mengambil ubat- ubat lain

Anda perlu memberitahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil ubat-ubatan lain.

Cara menggunakan Axcel Ecozalon Cream

Berapa banyak harus digunakan

Sapukan dalam lapisan yang nipis dengan lembut pada kawasan jangkitan dua kali setiap hari selama 14 hari. Hentikan penggunaan selepas kulit telah sembuh.

Bila perlu digunakan

Doktor anda akan menentukan sekiranya anda perlu menggunakan Axcel Ecozalon Cream bergantung kepada keadaan anda.

Berapa lama perlu digunakan

- Guna ubat ini seperti yang dicatatkan di dalam risalah ini tanpa melebihi dos saranan.
- Ikut saranan dan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi.

Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa untuk menggunakan ubat anda pada masa yang ditetapkan, guna dos terlepas secepat mungkin apabila anda mengingatnya, dan menggunakan dos seterusnya seperti biasa.

Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Anda perlu hubungi doktor anda dengan segera jika anda menggunakan Axcel Ecozalon Cream berlebihan. Anda mungkin lebih cenderung untuk mendapat proximal myopathy (kelemahan yang simetri pada bahagian atas dan bawah pangkal anggota badan) jika anda menggunakan terlalu banyak Axcel Ecozalon Cream.

Semasa menggunakan Axcel Ecozalon Cream

Perkara yang perlu dilakukan

- Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi tentang perkara yang mesti dan tidak patut anda lakukan semasa menggunakan ubat ini.
- Maklumkan doktor anda jika anda perlu mengambil ubat-ubatan lain.
- Guna Axcel Ecozalon Cream mengikut dos yang disarankan.
- Maklumkan doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami kesan sampingan yang tidak tersenarai di dalam risalah ini.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Jangan menggunakan Axcel Ecozalon Cream lebih daripada kekerapan yang dicadangkan dalam satu hari.

AXCEL ECOZALON CREAM

Econazole Nitrate / Triamcinolone Acetonide (1% w/w / 0.1% w/w)

Perkara yang perlu diberi perhatian

- Penggunaan jangka masa panjang perlu dielakkan terutamanya pada kanak-kanak atau apabila pembalut oklusif digunakan.
- Elakkan penggunaan di mata.

Kesan- kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Axcel Ecozalon Cream boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun tidak semua orang mendapatnya. Anda adalah dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ ahli farmasi untuk maklumat lanjut. Kesan-kesan sampingan berikut telah dilaporkan:

- Kerengsaan setempat disebabkan oleh rasa terbakar dan kegatalan pada kulit

Kesan sampingan sangat jarang:

- Kesan alergi yang teruk

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (*Consumers* -> *reporting*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Axcel Ecozalon Cream

Penyimpanan

Jauhkan Axcel Ecozalon Cream daripada jangkauan kanak-kanak. Simpan pada suhu di bawah 30°C. Pastikan bekas ubat tertutup rapat dan lindungi daripada cahaya.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Axcel Ecozalon Cream ialah krim berwarna putih, krim larut air.

Bahan- bahan kandungan

Bahan Aktif:

Econazole Nitrate dan Triamcinolone Acetonide.

Bahan Tidak Aktif:

Propylene Glycol, Methylparaben, Propylparaben, Sodium Dihydrogen Phosphate Anhydrous, Cetostearyl Alcohol, Liquid Paraffin, Cremophor A6, Cremophor A25 dan Purified Water

Nombor MAL

MAL08091413A

Pengilang dan pemegang pendaftaran produk

Kotra Pharma (M) Sdn Bhd
No. 1, 2 & 3, Jalan TTC 12,
Cheng Industrial Estate,
75250 Melaka, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

06/07/2015

Nombor Siri

BPFK(R4/1)290415/00089